

11 zon sesar aktif dikesan seluruh negara tempoh 2016 hingga 2020

6 stesen FMB dipasang di Sabah ukur pergerakan secara tepat dari semasa ke semasa

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemetaan yang dijalankan Jabatan Mineral dan Geosains bagi tempoh 2016 hingga 2020 mengesan kewujudan 11 zon sesar aktif di seluruh negara dengan enam daripadanya di Semenanjung Malaysia, manakala selebihnya di Sabah dan Sarawak.

Sesar ialah rekahan atau patahan pada kerak bumi akibat pergerakan batuan di sepanjang rekahan itu dan ia terbentuk apabila tekanan dalam kerak bumi terlalu kuat hingga batuan tidak lagi mampu menahan tekanan, menyebabkannya retak dan bergerak.

Pergerakan pada sesar boleh mencetuskan gempa bumi.

Menteri Perladangan dan Ko-

muniti, Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang menjalankan tugas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, berkata enam sesar aktif itu ialah di Bukit Tinggi, Pahang; Bok Bak di Kedah-Perak; Terengganu; Banding di Perak; Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Mersing, Johor.

Beliau berkata, Sarawak mempunyai sesar Tubau di Miri, manakala Sabah mempunyai empat sesar iaitu Lobou Lobou dan Mensaban di Ranau serta Lahad Datu dan Tabin.

“Terdapat 11 zon sesar aktif dipetakan di seluruh negara oleh Jabatan Mineral dan Geosains antara 2016 hingga 2020 iaitu enam sesar dikesan di Semenanjung Malaysia, manakala selebihnya di Sabah serta Sarawak.

“Sebanyak enam stesen Fault Movement Benchmark (FMB) aktif sudah dipasang di Sabah,” katanya ketika menjawab soalan Datuk Seri Doris Sophia Anak Brodi (GPS-Sri Aman) di Dewan Rakyat, yang ingin mengetahui sejauh mana ancaman gempa bumi kepada Malaysia susulan gegaran lemah yang berlaku di Johor, baru-baru ini.

FMB ialah tanda kawalan geologi yang dipasang di permukaan



Foto fail bumbung rumah penduduk musnah kesan gegaran lemah 2.8 magnitud direkodkan berlaku di Segamat pada 24 Ogos lalu.

bumi untuk mengukur pergerakan sesar secara tepat dari semasa ke semasa.

Selain itu, Johari berkata, terdapat 47 stesen pasif beroperasi di Pahang, Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Sarawak

dan Sabah.

Beliau berkata, terdapat rancangan untuk meluaskan pemetaan sesar dan liputan *benchmark* ke kawasan berisiko tinggi lain termasuk Johor.

Katanya, peta bahaya seismik

menjadi panduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jurutera.

“Mereka disaran mematuhi Malaysia National Annex to Eurocode 8 untuk reka bentuk bangunan tahan gegaran bumi,” katanya.

Sistem amaran awal gempa

Mengulas sistem amaran awal, Johari berkata, gempa bumi tidak boleh diramal, namun tsunami boleh dikesan selepas berlaku gempa bumi dasar laut.

Katanya, Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) kini mengendalikan 80 stesen seismograf di seluruh negara yang disokong 323 stesen antarabangsa.

“Amaran akan dikeluarkan dalam tempoh lapan minit bagi gempa bumi bermagnitud 3 atau lebih dan naik taraf di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) menyasarkan pengurangan masa amaran kepada enam minit menjelang 2026.

“Peningkatan kepada 12 stesen pemantauan seismik sedang dilaksanakan. Langkah ini adalah strategi komprehensif untuk meningkatkan kesiapsiagaan negara dan melindungi komuniti di kawasan yang aktif secara seismik,” katanya.